



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## HUBUNGAN BURNOUT DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR

MUHAMAD MUZAMIL BIN BORIAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN) (MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ii



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah


## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) Jun (bulan) 2022.

### i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMAD MUZAMIL BIN BORIAK M20201000937 FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN BURNOUT DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya




Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROZAIREEEN BIN MUSZALI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN BURNOUT DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13 Jun 2022

Tarikh

  
Tandatangan Penyelia  
**DR. ROZAIREEEN BIN MUSZALI**  
PENSYARAH KANAN  
FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
36000 TANJONG MALIM, PERAK





## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

### BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK

#### **DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

HUBUNGAN BURNOUT DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM  
KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH  
RENDAH DI DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20201000937

Saya / I :

MUHAMAD MUZAMIL BIN BORIAK

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Copi Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13 Jun 2022

**DR. ROZAIREEN BIN MUSZALI**  
PENSYARAH KANAN

**FAKULTI SAINS SAMA DAN KEjurulatihan  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
36000 TANJUNG MAHAL PERAK**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan **FAKULTI SAINS SAMA DAN KEJURULATIHAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 36000 TANJUNG MAHAL PERAK** dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SECRET** pada **PERIOD** dan **REASONS**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the title of the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya, maka saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Rozaireen bin Muszali selaku penyelia saya. Dengan penuh kesabaran dan komitmen yang tinggi, beliau sentiasa memberi dorongan, teguran serta cadangan dari awal sehingga selesai kajian ini dijalankan tanpa merasa jemu. Hanya Allah yang dapat membala jasa beliau.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua guru besar, penolong kanan kurikulum dan guru-guru pengkhususan Pendidikan Jasmani yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah yang telah mencerahkan ilmu dan bakti sepanjang pembelajaran saya di sini. Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga ibu bapa saya kerana banyak memberi sokongan dan dorongan serta mendoakan kejayaan saya dalam pelajaran. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada isteri tercinta Norzanah binti Md Jais yang juga mengharung bersama-sama dalam menyambung pelajaran di peringkat sarjana ini. Berkat sokongan dan dorongan yang diberikan saya berjaya menyiapkan disertasi dan seterusnya menamatkan pengajian di sini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menjayakan projek penyelidikan ini. Kemaafan juga saya pinta sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekurangan dalam projek kajian ini. Akhir kata, saya berharap projek ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Sekian.





## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau sejauh manakah tahap *burnout* dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan kepuasan kerja dan *burnout*. Sejumlah 78 orang responden secara pensampelan bertujuan dan berkelompok yang melibatkan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor terlibat dalam kajian ini. Segala maklumat diperoleh dengan menggunakan satu set soal selidik. Data yang telah dikumpulkan diproses dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS ver 22.0). Analisis statistik deskriptif dan inferensi digunakan melibatkan analisis ujian t, Anova dan korelasi Pearson bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian yang dibentuk. Dapatkan kajian menunjukkan responden mengalami tahap *burnout* yang rendah dan tahap kepuasan kerja yang tinggi. Secara keseluruhan analisis inferensi, perbezaan dari segi demografi menunjukkan mempunyai hubungan korelasi yang negatif pada kadar kekuatan yang sederhana antara *burnout* dengan kepuasan kerja. Walau bagaimanapun, faktor *burnout* dan kepuasan kerja adalah penting kepada setiap individu yang bekerja kerana guru-guru yang berpuas hati dengan kerjanya akan menjadi lebih produktif dan memberikan komitmen yang lebih tinggi terhadap pekerjaan masing-masing.





## **RELATIONSHIP BETWEEN BURNOUT AND JOB SATISFACTION AMONG PRIMARY SCHOOL PHYSICAL EDUCATION TEACHERS IN KUALA LANGAT DISTRICT, SELANGOR**

### **ABSTRACT**

The purpose of this study is to examine the degree of correlation between burnout and job satisfaction among primary school Physical Education teachers in Kuala Langat District. Besides that, this study aims to investigate the relationship between burnout and job satisfaction. A total of 78 respondents were chosen in this study using the purposeful and cluster sampling methods, involving the primary Physical Education teachers in Kuala Langat District, Selangor. The instrument used to obtain the findings for this study is through a set questionnaire. The data collected is processed using 'Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS ver 22.0). Descriptive and inferential statistical methods of analysis are used involving t test analysis, ANOVA and Pearson correlation to analyse the data and find answers for the research questions formed. The results of the findings showed that the respondents with low level of burnout possess high level of job satisfaction. In general, inferential analysis of differences in terms of demographic showed that there is a negative correlation to a moderate degree between burnout and job satisfaction. However, burnout and job satisfaction are two indicators which are correlated and bring major effects to every individual who is working because teachers who are satisfied with their work will be more productive and give higher commitment to their respective jobs.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.6.1 Guru	8
1.6.2 Pentadbir Sekolah	8
1.6.3 Kementerian Pendidikan Malaysia	9
1.7 Limitasi Kajian	9





1.8 Definisi Operasional	10
1.8.1 <i>Burnout</i>	10
1.8.2 Kepuasan Kerja	10
1.8.3 Guru Pendidikan Jasmani	11
1.8.4 Sekolah RendahS	11
1.8.5 Daerah Kuala Langat	11
1.9 Rumusan	12
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan	13
2.2 Definisi <i>Burnout</i>	14
2.3 Faktor <i>Burnout</i>	15
2.4 Kesan <i>Burnout</i>	18
2.5 Tahap <i>Burnout</i>	20
2.5.1 Keletihan Emosi	20
2.5.2 Depersonalisasi	20
2.5.3 Pencapaian Peribadi	21
2.6 Teori <i>Burnout</i>	21
2.6.1 <i>Teori Conservation of Resources</i> (COR)	21
2.7 Kajian Berkaitan <i>Burnout</i>	22
2.8 Definisi Kepuasan Kerja	25
2.9 Teori Kepuasan Kerja	27
2.9.1 Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970)	27
2.9.2 Teori Dua Faktor Herzberg	28
2.9.3 Teori “Existence Relatedness Growth” Alderfer (ERG)	29
2.9.4 Teori Proses	30





2.9.5 Teori Jangkaan Vroom	31
2.9.6 Teori Keseimbangan (Equity Theory)	31
2.10 Kerangka Teoretikal Kajian	32
2.11 Kajian Berkaitan Kepuasan Kerja	33
2.12 Kajian – kajian Lepas Dalam Negara	36
2.13 Kajian – kajian Lepas Luar Negara	39
2.14 Rumusan	42
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	43
3.1 Pengenalan	43
3.2 Reka bentuk kajian	43
3.2.1 Pemboleh Ubah Kajian	44
3.2.2 Populasi Kajian	44
3.2.3 Kerangka Konseptual Kajian	45
3.3 Tempat dan Sampel Kajian	47
3.4 Instrumen Kajian	48
3.4.1 Instrumen Maslach <i>Burnout Inventori</i> (MBI)	48
3.4.2 Instrumen <i>Job Descriptive Index</i> (JDI)	49
3.5 Kajian Rintis	49
3.6 Kesahan Instrumen	50
3.7 Kebolehpercayaan Instrumen	51
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	52
3.9 Rumusan	54
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	55
4.1 Pengenalan	55
4.2 Demografi Responden	56





4.2.1 Jantina	57
4.2.2 Umur	57
4.2.3 Pengalaman Mengajar	58
4.2.4 Taraf Pendidikan	58
4.2.5 Profesion Perguruan Sebagai Pilihan	59
4.3 Analisis Deskriptif	59
4.3.1 Tahap Burnout Dalam kalangan Guru-Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor.	60
4.3.2 Tahap Kepuasan Kerja Dari Persepsi Guru-Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor?	60
4.4 Perbezaan Signifikan Tahap <i>Burnout</i> Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor Mengikut Jantina	61
4.5 Perbezaan Signifikan Tahap <i>Burnout</i> Dikalangan Guru-Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor Mengikut Umur	62
4.6 Perbezaan Signifikan Tahap <i>Burnout</i> Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor Mengikut Pengalaman Mengajar.	63
4.7 Hubungan Diantara Burnout Dengan Kepuasan Kerja Guru-Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor?	63
4.8 Kesimpulan	64
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	65
5.1 Pengenalan	65





5.2 Perbincangan	66
5.2.1 <i>Burnout</i> dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani	66
5.2.2 Kepuasan Kerja dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani	67
5.2.3 Hubungan <i>Burnout</i> dan Kepuasan Kerja	67
5.3 Cadangan Kajian	68
5.4 Rumusan Kajian	71
5.5 Kesimpulan	71
<b>RUJUKAN</b>	72
<b>LAMPIRAN</b>	76





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jadual Pemboleh ubah, Teori dan Model	29
3.1 Kesahan kandungan instrumen kajian rintis oleh panel pakar	51
3.2 Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach mengikut instrumen	52
3.3 Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach mengikut dimensi dalam MBI	52
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	57
4.2 Taburan Responden Mengikut Umur	57
4.3 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	58
4.4 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	58
4.5 Taburan Responden Mengikut Profesion Perguruan Sebagai Pilihan	59
4.6 Nilai julat skor mengikut tahap <i>burnout</i> dan kepuasan kerja	59
4.7 Maklumat deskriptif bagi tahap <i>burnout</i>	60
4.8 Maklumat deskriptif bagi tahap kepuasan kerja	60
4.9 Ujian T sampel tidak bersandar bagi <i>burnout</i> mengikut jantina	61
4.10 Ujian ANOVA satu hala perbezaan tahap <i>burnout</i> dikalangan guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah mengikut umur	62
4.11 Ujian T sampel tidak bersandar bagi <i>burnout</i> mengikut pengalaman mengajar	63
4.12 Korelasi antara <i>burnout</i> dan kepuasan kerja	63





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Teoretikal Kajian.	33
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	46





## SENARAI SINGKATAN

AAM	Automobile Association of Malaysia
BBC	British Broadcasting Corporation
CIMB	Commerce International Merchant Bank
CCPI	Climate Change Performance Index
DOE	Department of Environment
FIFA	Fédération Internationale de Football Association
UM	Universiti Malaya





## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- B Soal selidik *Maslach Burnout Inventory* (MBI)
- C Soal selidik Instrumen *Job Descriptive Index* (JDI)
- D Borang Penilaian Kesahan Pakar
- D Borang Penilaian Kesahan Pakar





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pembelajaran abad 21 yang diperkenalkan melalui dasar pendidikan negara menjadikan guru semakin meluaskan pengetahuan dalam memastikan menguasai dasar-dasar dan kemahiran yang memenuhi kehendak dan aspirasi pendidikan negara. Setiap guru perlu merealisasikan misi dan visi KPM dapat dicapai dengan memainkan peranan masing-masing. Zainudin & Muhamad (2021). Dalam perkembangan pendidikan yang semakin berubah dalam negara pada hari ini, menjadikan tanggungjawab guru menjadi lebih mencabar kerana mereka perlu memberi tumpuan kepada pelbagai peranan yang perlu dilaksanakan dalam pekerjaan sehari-hari mereka. Guru mempunyai tanggungjawab untuk melatih generasi seterusnya yang dapat merealisasikan aspirasi negara dengan mendidik dan mengasah bakat pelajar secara menyeluruh. Ini dapat dikaitkan dengan kenyataan bahawa semasa di sekolah, guru mesti berurusan dengan pelajar dengan keperibadian, ideologi, sikap dan emosi yang berbeza yang menjadikan guru bebas daripada pelbagai jenis masalah dan konflik.





Mereka juga harus menghadapi cabaran dan tekanan untuk melaksanakan pengajaran, tugas pengkeranian, kegiatan kokurikulum, menghadiri kursus, menganjur pertandingan, pameran, latihan, dan kuiz. Sistem Pendidikan negara yang kian berubah kini dengan wujudnya kurikulum baru telah menyebabkan ramai guru mengambil keputusan untuk bersara lebih awal daripada dunia pendidikan. Perubahan itu mempunyai perkaitan dengan tugas guru semakin kompleks dan harapan yang semakin meninggi terhadap guru oleh beberapa pihak terutamanya ibu bapa sedangkan keadaan lain tidak banyak berubah. Ini menyebabkan tekanan guru tidak mampu ditangani oleh kerana tugas dan harapan yang sudah berubah. Menurut Rohaidah (2015) perubahan-perubahan dasar yang berlaku dalam sistem pendidikan negara merupakan cabaran besar kepada para guru yang menjadikan beban tugas guru semakin hari semakin bertambah bagi memenuhi kehendak dan keperluan dasar-dasar

tersebut. Tekanan terutamanya dalam kes kelelahan emosi, boleh menyebabkan seseorang menjadi tidak rasional, cemas, gugup dan tidak dapat menumpukan perhatian pada tugas-tugas asas serta tidak dapat merasa gembira atau puas dengan pekerjaan yang dilakukan. Perkara-perkara ini menghalang seseorang untuk menyedari sifat positifnya apalagi sifat kasih sayang. Kajian Adrian et al. (2021) menunjukkan bahawa sebilangan guru mengalami tahap tekanan kerja yang sederhana mengikut dimensi yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan guru-guru akan berasa terus tertekan dan akhirnya akan mengambil keputusan yang tidak dijangka seperti mengambil cuti sakit atau berhenti kerja.

*Burnout* biasanya berkaitan dengan kepuasan melaksanakan tugas dalam pekerjaan harian. Menurut Leong & Mohd Nordin (2021) iklim organisasi sekolah memainkan peranan yang penting bagi memberi implikasi yang positif terhadap





efikasi dan komitmen guru terhadap kepuasan kerja yang dilakukan. Di peringkat global, kepuasan kerja dilihat sebagai ungkapan betapa puasnya bekerja dengan pekerjaan mereka. Pelbagai dimensi kepuasan kerja seperti kepuasan kerja yang merangkumi dengan gaji, penyeliaan, polisi syarikat serta melibatkan faktor dalaman dan luaran. Kepuasan kerja secara dalaman merujuk kepada bagaimana perasaan individu terhadap pekerjaan harian mereka sementara kepuasan luaran boleh dikaitkan dengan sentimen-sentimen yang wujud dalam situasi kerja di luar bidang tugas. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kepuasan kerja ialah gabungan psikologi, fisiologi dan persekitaran, yang membuat orang berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan.

Pengkajian mengenai *burnout* guru bukanlah masalah baru. Sejak sekian lama, pengkaji di dalam dan luar negara telah melakukan kajian mengenainya. Persoalannya timbul mengapa perlu memberi perhatian serius terhadap masalah *burnout* guru. Ini kerana guru akan membentuk masyarakat melalui pendidikan yang dilaksanakan di sekolah. Sekiranya guru itu sendiri tidak selesa dengan persekitarannya maka perubahan ke arah negatif akan berlaku kepada pelajar. Oleh itu, tahap kepincangan daripada segi emosi guru dan faktor pengaruhnya sangat penting dalam memastikan guru dapat melaksanakan tugasnya dengan baik.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan perubahan pesat negara mesti sejajar dengan ideologi yang mesti bersedia oleh setiap masyarakat untuk abad ke-21 di mana proses perubahan tidak akan membebankan guru dari prasekolah hingga institusi pendidikan tinggi. Dalam bidang keguruan, setiap guru mempunyai pelbagai bidang tugas untuk dilaksanakan



seperti mengajar, menyediakan alat bantu mengajar, melaksanakan tugas pengkeranian untuk organisasi di sekolah dan melakukan bidang tugas seperti guru lain untuk menyelesaikan arahan yang diberikan. Bergantung pada senarai tugas yang perlu diselesaikan oleh guru, ia mungkin menyebabkan tekanan dan *burnout*. *Burnout* ialah sebab mengapa negara tidak dapat merealisasikan visi dan aspirasi yang ditetapkan oleh pendidikan kerana tekanan kerja mempengaruhi budaya dan prestasi kerja guru, kesan profesion guru kini dipandang rendah.

Hubungan antara kepuasan kerja dan *burnout* memang wujud di mana-mana. Setiap organisasi biasanya akan mendapat tekanan daripada pihak atasan yang meminta para guru melaksanakan dan menyelesaikan tugas yang diberi biarpun tugas itu berada di luar bidang guru. Pekerjaan dan suasana kerja akan mempengaruhi cara seseorang bekerja mengikut kemampuan, pengalaman, pendidikan dan status kesihatannya. Suasana kerja yang baik memberi kesan positif terhadap kemampuan dan prestasi kerja setiap orang sementara suasana kerja yang suram akan membawa perubahan yang sebaliknya.

Beban tugas ialah merupakan beberapa kajian yang dilakukan di Malaysia untuk mencari punca-punca guru menghadapi tekanan ketika bekerja. Beberapa punca boleh dikaitkan sebagai penyebab kepada guru di Malaysia mengalami *burnout* adalah dengan beban tugas dan aduan guru-guru Azita Abdul Rahim (2012). Satu kajian yang dilakukan oleh Rosnah & Siti Nur Fatihah (2018) juga mendapatkan bahawa faktor beban tugas memberi impak yang negatif kepada prestasi guru di sekolah. Faktor-faktor ini menjadi punca kepada tahap prestasi guru dalam melaksanakan kerja sehari-hari di sekolah.



Terdapat beberapa kajian mengenai *burnout* dalam kalangan guru yang dijalankan di Barat Lim Khong Chiu (2002) tetapi hanya sebahagian kecil daripadanya memberi tumpuan kepada guru Pendidikan Jasmani dan Sukan (PJS). Di Malaysia, subjek Pendidikan Jasmani kini semakin kurang mendapat perhatian Zainudin & Muhamad (2021). Walau bagaimanapun, pelbagai pengharapan diharapkan melalui peranan guru-guru Pendidikan Jasmani daripada pihak-pihak tertentu supaya dapat menjadi salah satu peranan utama dalam bidang pendidikan. Setakat ini, belum ada kajian sebenar tentang situasi guru Pendidikan Jasmani yang dijalankan kecuali sebagai sebahagian daripada topik perbincangan dalam bengkel dan seminar. Oleh itu, pengkaji percaya bahawa adalah perlu untuk mengambil langkah awal untuk memahami suasana bekerja dan kelesuan guru Pendidikan Jasmani bagi mengambil langkah awal untuk menyelesaikan kelemahan yang mungkin berlaku. Adakah guru Pendidikan Jasmani mengalami *burnout*? Adakah persekitaran kerja menjadi penyumbang terhadap *burnout* guru-guru Pendidikan Jasmani?

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah adalah satu platform di mana salah satu sebab pengkaji membuat kajian atau pengkajian. Pernyataan masalah mestilah mengandungi unsur fahaman istilah atau maksud yang jelas.





Menurut kajian yang dilakukan oleh Universiti Monash, lebih daripada seperempat guru baru mengalami ketandusan emosi yang hampir menyebabkan *burnout* akibat kerja yang dilakukan di tempat kerja. Di samping itu, kajian tahun 2020 terhadap 285 orang guru sekolah rendah dan menengah di University Federico II of Naples, Itali menunjukkan bahawa 60% daripada guru-guru ini mengalami sekurang-kurangnya tahap *burnout* yang sederhana tinggi Capone & Petrillo (2020). Di Malaysia, tidak banyak kajian mengenai burnout guru terutama guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Kajian ini dijalankan untuk memberi ruang dan peluang bagi mengetahui sama ada guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor mengalami tekanan kerja sehingga mereka berasa *burnout*? Dengan jelas dapat dilihat bahawa perbincangan mengenai masalah *burnout* di kalangan guru Pendidikan Jasmani belum lagi dibincangkan secara khusus. Oleh itu, pengkajian ini secara khusus memfokuskan pada tahap ketandusan *burnout* guru terhadap pekerjaan di kalangan guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor sebagai rujukan untuk aspek-aspek tertentu sehingga langkah-langkah dapat diambil secepat mungkin bagi menekang kemungkinan yang berlaku.

#### 1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap *burnout* guru dan hubungannya dengan kepuasan kerja di sekolah rendah daerah Kuala Langat, Selangor manakala objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap *burnout* dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor.





- ii. Mengenal pasti tahap kepuasan kerja daripada persepsi guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap *burnout* dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar.
- iv. Mengenal pasti hubungan tahap kepuasan kerja dengan tahap *burnout* dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor.

## 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian yang

berikut diharap akan dijawab melalui kajian ini.



- i. Apakah tahap *burnout* dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor?
- ii. Apakah tahap kepuasan kerja dari persepsi guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di Daerah Kuala Langat, Selangor?
- iii. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap *burnout* dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar?
- iv. Adakah terdapat hubungan di antara *burnout* dengan kepuasan kerja guru-guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah di daerah Kuala Langat, Selangor?





## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan sumber maklumat penting untuk menentukan tahap *burnout* guru Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah Kuala Langat di Selangor daripada aspek seperti *burnout*, kepuasan kerja dan pencapaian peribadi. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini boleh digunakan oleh pihak atasan khususnya pentadbir dan pengurus kanan untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi dan meningkatkan kepuasan kerja guru serta mengatasi kelemahan guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah.

### 1.6.1 Guru



Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman dan pengetahuan kepada para guru sehingga mereka dapat mengambil tindakan awal untuk membendung gejala *burnout* dan berlakunya perasaan ketidakpuasan kerja yang berterusan. Ini kerana sebilangan kecil guru tidak mengetahui bahawa mereka mengalami gejala keletihan yang seterusnya akan mempengaruhi prestasi kerja mereka serta kehidupan peribadi dan sosial mereka

### 1.6.2 Pentadbir Sekolah

Pihak sekolah juga boleh menggunakan kajian ini untuk merancang aktiviti atau program yang melibatkan guru. Di samping itu juga, melalui kajian ini pihak pentadbir boleh merancang pembahagian tugas kepada guru-guru supaya tidak akan





menyebabkan guru tersebut dibebani dengan tugas yang terlalu banyak yang perlu diselesaikan. Pihak pentadbir boleh menganjurkan kursus-kursus atau bengkel berkaitan cara pengurusan emosi ketika melaksanakan kerja sehari-hari di sekolah.

### 1.6.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan yang berpengetahuan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bidang pengurusan pekerja khususnya dalam soal emosi ketika melaksanakan tugas dalam bidang pekerjaan. Kementerian Pendidikan Malaysia diharap dapat merancang, memberi maklum balas serta mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah ini agar tidak terus menjadi serius terhadap guru

yang secara tidak langsung akan memberi kesan kepada sistem pendidikan negara.



### 1.7 Limitasi Kajian

Limitasi kajian adalah isu di luar kawalan pengkaji. Kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan soal selidik. Kaedah sebegini mungkin mempunyai pelbagai masalah dan kekangan yang tidak dijangka yang perlu dihadapi. Data kajian yang diperoleh adalah melalui maklum balas responden terhadap borang soal selidik yang diedarkan. Guru mungkin tidak dapat menjawab soal selidik dengan baik iaitu menjawab soalan yang dikemukakan dengan telus.





## 1.8 Definisi Operasional

Dalam bahagian ini, beberapa terma, istilah dan konsep akan digunakan untuk menerangkan beberapa isu berkaitan. Terma dan konsep ini menjadi asas untuk menyokong topik kajian. Takrifan terma dan konsep yang dijelaskan dalam bahagian ini hanya digunakan bagi memenuhi konteks kajian ini.

### 1.8.1 *Burnout*

*Burnout* ialah perubahan yang berlaku dalam keadaan tetap dan berterusan yang meningkatkan rasa tidak puas hati individu terhadap kerja yang dilaksanakan. Ia biasanya bermula dengan kebosanan ringan dan kehilangan minat dalam kerja, dan akhirnya membawa kepada kemurungan yang teruk dan kesakitan fizikal.

### 1.8.2 Kepuasan Kerja

Menurut Chen & Wahab (2021), keperluan untuk proses yang dapat dipenuhi adalah kepuasan kerja yang diperoleh setelah pelaksanaan usaha tersebut. Kepuasan kerja dicerminkan dengan menyesuaikan hubungan antara keperluan pekerjaan dan persekitaran. Dalam kajian ini, beberapa aspek kepuasan kerja merujuk kepada kerja bekerja sendiri, gaji semasa, peluang kenaikan pangkat, penyelia dan penyelia, dan rakan sekerja.





### 1.8.3 Guru Pendidikan Jasmani

Mereka terdiri daripada kakitangan perkhidmatan pendidikan siswazah dan bukan siswazah yang terlatih, dan mereka kini bekerja di sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Bagi tujuan kajian ini, guru Pendidikan Jasmani merujuk kepada guru yang bertanggungjawab mengajar kursus Pendidikan Jasmani di sekolah.

### 1.8.4 Sekolah RendahS

Merujuk kepada tempat-tempat di mana kerajaan menjalankan aktiviti dan program akademik serta kuar bilik darjah untuk kanak-kanak berumur antara 5 hingga 12 tahun. Sekolah yang dipilih untuk kajian ini ialah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar.

### 1.8.5 Daerah Kuala Langat

Kuala Langat adalah salah satu daripada sembilan buah daerah di Selangor, Malaysia. Ini ialah kawasan luar bandar yang bersempadan dengan Klang dan Sepang. Sebahagian dari Kuala Langat terletak di sepanjang Selat Melaka. Kawasan Kuala Langat berkeluasan 87,704 hektar dan mempunyai populasi lebih 200,000 orang. Melayu membentuk majoriti, diikuti oleh Cina dan India, dan beberapa orang asli.





## 1.9 Rumusan

Secara umumnya, bahagian ini memberikan gambaran awal pengkajian dengan menerangkan matlamat dan objektif pengkajian, dan menyenaraikan langkah-langkah yang perlu diambil dalam pengkajian dengan menetapkan matlamat dan objektif. Latar belakang masalah dan pernyataan masalah akan dijelaskan lebih lanjut melalui data yang diperoleh. Alat kajian yang digunakan untuk mengumpul data dan teknik statistik yang sesuai digunakan untuk menganalisis data kajian, boleh ubah, dan populasi. Bab ini menerangkan pernyataan masalah yang menjadi teras kajian ini. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang tujuan, masalah dan kepentingan pengkajian ini untuk menggalakkan pengkaji meneruskan pengkajian dalam bab-bab seterusnya. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang tujuan, masalah dan kepentingan pengkajian bagi menggalakkan pengkaji meneruskan pengkajian dalam bab-bab seterusnya..

